

**Parlimen: Belum Ada Permohonan Kuokuang Petrochemical Melabur Di Malaysia
Bernama
11 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri belum menerima permohonan rasmi dari Kuokuang Petrochemical Technology Co. untuk melabur di Malaysia.

Menteri berkenaan Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata persetujuan untuk syarikat tersebut melabur di negara ini akan ditentukan oleh lembaga pengarah syarikat dan bukan kerajaan Taiwan walaupun ia mempunyai pegangan ekuiti sebanyak 43 peratus melalui CPC Corporation.

"Namun begitu, lembaga pengarah membenarkan pihak syarikat menjalankan kajian terperinci kemungkinan menubuhkan sebuah kilang petrokimia di kawasan Pengerang," katanya dalam jawapan bertulis kepada Hee Loy Sian (PKR-Petaling Jaya Selatan) pada persidangan Dewan Rakyat di sini.

Hee ingin mengetahui sama ada Kuokuang Petrochemical Technology Co. sudah memperoleh persetujuan dari kerajaan Taiwan untuk melabur dalam projek Rapid di Pengerang.

Mustapa berkata projek petrokimia tersebut masih di peringkat awal, dan kajian terperinci berhubung cadangan projek itu sedang dijalankan oleh pihak syarikat.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=672107>